

**AKHBAR : BERITA HARIAN**  
**MUKA SURAT : 16**  
**RUANGAN : NASIONAL**

# Prevalen bantut, obesiti kanak-kanak meningkat

KKM semak semula program penjagaan kesihatan ibu hamil, anak usia dua tahun

Oleh Mohammad Khairil Ashraf Matoh Khalid  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan (KKM) menyatakan prevalen bantut dan obesiti menunjukkan peningkatan dalam kalangan kanak-kanak dan orang dewasa di negara ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata prevalen bantut dalam kalangan kanak-kanak berumur bawah lima tahun meningkat daripada 17.7 peratus pada 2015 kepada 21.2 peratus pada 2022.

Menurutnya, prevalen obesiti dalam kalangan kanak-kanak bawah lima tahun juga meningkat daripada empat peratus pada 2015, 5.6 peratus pada 2019 dan 6.0 peratus pada 2022.



Keratan akbar BH  
15 Januari  
2024.

Katanya, bagi prevalen berlebihan berat badan dalam kalangan murid berumur 10 hingga 17 tahun turut meningkat daripada 14.6 peratus pada 2012 kepada 15.6 peratus pada 2017.

Sementara itu, prevalen obes juga meningkat daripada 12.3 peratus pada 2012 kepada 14.8 peratus pada 2017. Data ini menunjukkan satu daripada tiga orang murid sekolah mengalami sama ada masalah berlebihan berat badan atau obes.

"Prevalen obesiti dalam kalangan dewasa meningkat dari 19.7 peratus pada 2019 kepada 21.8 peratus pada 2023," katanya dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat.

Beliau berkata demikian menjawab pertanyaan Datuk Dr Alias Razali (PN-Kuala Nerus) mengenai statistik rakyat Ma-

laysia yang mengalami bantut dan obesiti dari 2013 hingga 2023 dalam kalangan kanak-kanak dan orang dewasa.

Alias turut bertanyakan kesejahteraan KKM untuk menyemak semula keberkesanannya program untuk mengatasi isu bantut dan obesiti itu.

BH sebelum ini melaporkan Malaysia berdepan risiko mempunyai generasi muda yang terbantut tumbesaran masing-masing, jika tiada tindakan diambil bagi menangani isu pemakanan dan diet membabitkan hampir 500,000 kanak-kanak bawah usia lima tahun yang dikenal pasti berdepan masalah bantut.

Kanak-kanak dikategorikan sebagai bantut apabila tidak mencapai ketinggian sepertutnya

mengikut usia mereka, berdasarkan carta pertumbuhan panjang atau tinggi untuk usia seperti disyorkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

**Dipengaruhi pelbagai faktor**  
Mengulas lanjut, Dr Dzulkefly berkata, masalah bantut dan obesiti dipengaruhi oleh pelbagai faktor dan tidak terhad kepada masalah pemakanan sahaja.

Katanya, antara usaha berterusan KKM ialah menyemak semula pelaksanaan strategi dan program selari dengan dasar dan hala tuju kementerian seperti Kertas Putih Kesihatan, Dasar Pemakanan Kebangsaan 2.0, *Reviewed Nutrition Policy Options to Combat Obesity in Malaysia* dan *National Strategic Plan for Non-Communicable Di-*

**Prevalen obes juga meningkat daripada 12.3 peratus pada 2012 kepada 14.8 peratus pada 2017. Data ini menunjukkan satu daripada tiga orang murid sekolah mengalami sama ada masalah berlebihan berat badan atau obes**

**Dr Dzulkefly Ahmad,  
Menteri Kesihatan**



seases 2016-2025.

Selain itu katanya, antara program dan aktiviti yang disejam semula bagi mengatasi isu bantut dan obesiti seperti memperkuakluh inisiatif 1,000 hari pertama kehidupan dengan menyasarkan kumpulan ibu hamil sehingga kanak-kanak berumur dua tahun yang meliputi penjagaan kesihatan dan pemakanan.

"Memperluas kriteria penerima dalam Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan atau Program Bakul Makanan bermula Jun 2022.

"(Dan) memperkasa Jurulatih Utama Cara Hidup Anda Terbaik (C-HAT) daripada kalangan ahli Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) bagi membantu mengatasi masalah obesiti di sekolah," katanya.



**BERITA HARIAN**  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
JALAN 1/150, TTDI, 50480 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.  
Telefon: +603 9054 2000 | Faks: +603 9054 2001 | E-mel: [berita@bh.com.my](mailto:berita@bh.com.my)  
Waktu cetakan: Setiap hari Selasa dan Jumaat. Edisi digital tersedia setiap hari.

AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 18  
RUANGAN : DEWAN RAKYAT

## Kes dewasa, kanak-kanak obes, bantut meningkat

**Kuala Lumpur:** Prevalen bantut dan obesiti menunjukkan peningkatan dalam kalangan kanak-kanak dan orang dewasa di negara ini.

**Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad (gambar)** berkata, prevalen bantut dalam kalangan kanak-kanak berumur bawah lima tahun meningkat daripada 17.7 peratus pada 2015 kepada 21.2 peratus pada 2022.

Menurutnya, prevalen obesiti dalam kalangan kanak-kanak bawah lima tahun juga meningkat daripada empat peratus pada 2015, 5.6 peratus pada 2019 dan 6.0 peratus pada 2022.

Katanya, bagi prevalen berlebihan berat badan dalam kalangan murid berumur 10 hingga 17 tahun turut meningkat daripada 14.6 peratus pada 2012 kepada 15.6 peratus pada 2017.

"Sementara itu, prevalen obes juga meningkat daripada 12.3 peratus pada 2012 kepada 14.8 peratus



pada 2017. Data ini menunjukkan bahawa satu daripada tiga orang murid sekolah mengalami sama ada masalah berlebihan berat badan atau obes.

"Prevalen obesiti dalam kalangan dewasa meningkat daripada 19.7 peratus pada tahun 2019 kepada 21.8 peratus pada tahun 2023," katanya dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata demikian menjawab pertanyaan Datuk **Dr. Alias Razak (PN-Kuala Nerus)** mengenai statistik rakyat Mala-

ysia yang mengalami bantut dan obesiti dari tahun 2013 hingga 2023 dalam kalangan kanak-kanak dan orang dewasa.

Alias turut bertanyakan kesediaan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk menyemak semula keberkesanan program untuk mengatasi isu bantut dan obesiti itu.

Mengulas lanjut, Dr Dzulkefly berkata, masalah bantut dan obesiti dipengaruhi pelbagai faktor dan tidak terhad masalah pemakanan sahaja.

Katanya, antara usaha berterusan KKM ialah menyemak semula pelaksanaan strategi dan program selari dengan dasar dan hala tuju kementerian seperti Kertas Putih Kesihatan, Dasar Pemakaian Kebangsaan (DPKM) 2.0, Reviewed Nutrition Policy Options to Combat Obesity in Malaysia dan National Strategic Plan for Non-Communicable Diseases (NSP-NCD 2016-2025).

AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : NASIONAL

## KKM tawar khidmat kaunseling kepada keluarga mangsa

**SUNGAI BULOH** - Kementerian Kesihatan (KKM) menawarkan perkhidmatan kaunseling psikososial dan pascatrauma kepada keluarga Nur Farah Kartini Abdullah, catrauma kepada mereka (keluarga mangsa), katanya ringkas kepada pemberita semasa menziarahi keluarga mangsa kes pembunuhan itu di Hospital Sungai Buloh di sini.

"Saya mewakili Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad menawarkan perkhidmatan kaunseling psikososial dan pascatrauma kepada mereka (keluarga mangsa)," katanya ringkas kepada pemberita semasa menziarahi keluarga mangsa kes pembunuhan itu di Hospital Sungai Buloh di sini.

Lukanisman juga berharap siasatan kes itu dapat dijalankan secara adil dan plhak bertanggungjawab dibawa ke muka pengadilan.



Lukanisman (dua dari kanan) menziarahi ahli keluarga Nur Farah Kartini di Hospital Sungai Buloh pada Khamis.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 6  
RUANGAN : DALAM NEGERI

## Kerajaan tawar khidmat kaunseling

**SUNGAI BULOH:** Kerajaan menawarkan khidmat kaunseling kepada ahli keluarga Allahyarham Nur Farah Kartini, 25, yang ditemukan dibunuh di ladang kelapa sawit di Kampung Sri Keledang, Hulu Selangor dekat sini, Isnin lalu.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Lukanisman Awang Sauni berkata, keluarga semestinya dalam keadaan trauma terhadap kejadian yang menimpa bekas penuntut Universiti Sultan Idris (UPSI) tersebut.

“Saya ada berjumpa ahli keluarga (Nur Farah Kartini) abang serta ibunya dalam keadaan bersedih.

“Justeru, saya mewakili Ahli Parlimen serta Menteri Kesihatan (Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad) sedia menawarkan perkhidmatan kaunseling psikososial dan ‘post trauma’ terhadap mereka,” katanya ketika ditemui di pekarangan Unit Forensik Hospital Sungai Buloh di sini semalam.

Terdahulu, Lukanisman tiba di Unit Forensik di sini kira-kira 12.15 tengah hari untuk berjumpa dan menyampaikan ucapan takziah kepada ahli keluarga wanita berasal dari Miri, Sarawak itu.

Dalam pada itu, beliau turut menuntut siasatan dijalankan pihak polis secara adil terhadap kes bunuh Nur Farah Kartini.

“Saya juga Ahli Parlimen (Sibuti) di kawasan Miri jadi sudah tentu saya ingin menuntut keadilan terhadap kes ini agar ia dapat diselesaikan.

“Jenazah kini sedang dimandikan dan akan dikebumikan kampung kakak ipar Allahyarham di Pekan, Pahang.

Terdahulu, Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan mengesahkan identiti mayat wanita yang ditemukan di lokasi kejadian adalah Nur Farah Kartini.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 8  
RUANGAN : DALAM NEGERI

# Hospital swasta sukar turun kadar rawatan

Oleh AIDIEL ZABIDI  
asyraaf.zabidi@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Kos operasi yang meningkat, pelaburan dalam teknologi perubatan terkini dan langkah mengekalkan standard terbaik menyebabkan hospital swasta sukar untuk menurunkan kadar rawatan yang dikenakan.

Justeru, Presiden Persatuan Hospital Swasta Malaysia, Datuk Dr. Kuljit Singh berkata, tidak adil untuk menyatakan bahawa inflasi perubatan negara disebabkan oleh kos hospital semata-mata.

"Terdapat pelbagai unsur yang meningkatkan kos perubatan swasta di Malaysia. Faktor seperti kenaikan kos bekalan perubatan, peralatan dan farmaseutikal serta peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan kesihatan menyumbang kepada peningkatan secara ke-

seluruhnya.

"Inflasi perubatan negara tidak hanya disebabkan oleh kos hospital swasta semata-mata," katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Kelmarin, akhbar ini melaporkan, Kementerian Kesihatan (KKM) mengingatkan pemain industri perubatan swasta agar tidak menjadi pencetus kepada peningkatan inflasi berikutnya kos bayaran perubatan yang terlalu mahal.

Mengakui harga ubat-ubatan yang tinggi ketika ini, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, satu libat urus perlu diadakan antara KKM dan Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM) bagi memberi penerangan mengenai perkara ini.

Dalam pada itu, Kuljit mencedangkan satu usaha sama antara kerajaan, pembekal perubatan dan orang awam bagi menan-

gani masalah ini.

"Strategi termasuk menyemak semula kawal selia rangka kerja, mencari model kewangan inovatif, tingkatkan kecekapan kos dan mempromosi ketelusan pembentukan.

"Bagaimanapun, sebarang perubahan perlu seimbang untuk memastikan kemudahan akses penjagaan kesihatan kepada semua golongan rakyat," katanya.

Menurut Kuljit, mencapai sistem penjagaan kesihatan berpatutan dan saksama adalah cabaran berterusan yang memerlukan pendekatan jangka panjang yang lebih komprehensif.

"Orang awam perlu proaktif menjaga kesihatan dan perlu jalankan saringan. Tiada penyelesaian yang jelas untuk kos penjagaan kesihatan kerana di seluruh dunia tidak ada penyelesaian yang berkesan," katanya.